


HUTAN HUJAN TROPIKA

- Pokok tumbuh rapat dan malar hijau
- Batang pokok lurus, tumbuh tinggi dan berakar banir
- Spesies kayu keras bermutu tinggi seperti meranti, cengal, kapur, merbau
- Daun pokok lebar dan hujungnya berbentuk tirus
- Terdapat empat lapisan yang nyata

Profil Hutan Hujan Tropika



Lapisan	Ciri-ciri	Contoh tumbuh-tumbuhan
Renjong (Emergen) • Ketinggian: Melebihi 40 meter	• Pokok tumbuh rapat dan berkayu keras • Batang pokok lurus dan tinggi untuk mendapatkan cahaya matahari • Berakar banir • Pokok-pokok tumbuh bercampur aduk	• Pokok cengal, meranti, balau, nyatuh, tualang, seraya, keruing dan jelutong
Kanopi (Silara) • Ketinggian: 20 hingga 40 meter	• Ranting dan daun-daun pokok merimbun membentuk kanopi • Lapisan yang menghalang cahaya matahari daripada menembusi lantai hutan	• Kandis dan penarahan
Lapisan tengah • Ketinggian: 10 hingga 20 meter	• Pokok-pokok tumbuh sederhana padat • Terdapat tumbuh-tumbuhan parasit dan epifit	• Pokok langsuyar, paku tanduk rusa, orkid, dedalu dan pokok herba
Lantai hutan • Ketinggian: Kurang daripada 10 meter	• Tumbuh-tumbuhan jarang kerana kurang mendapat cahaya matahari • Diliputi daun kering dan bahan reput yang menggalakkan pertumbuhan tumbuh-tumbuhan saprofit	• Cendawan, kulat, semak samun, pokok renek dan paku pakis